

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA - BEBAS]**

SOALAN NO. 79

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- a) Terdapat berapa buah Persatuan Bola Sepak Negeri yang menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan aktiviti persatuan; dan
- b) Apakah bantuan kewangan yang Kementerian dapat mengagihkan kepada mereka dan berapa buah syarikat GLC yang tampil ke hadapan untuk membantu persatuan bola sepak mereka

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. **Persatuan Bola Sepak Negeri-Negeri** merupakan ahli gabungan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Secara lazimnya, peruntukan kewangan bagi menjalankan aktiviti persatuan adalah melalui badan induk persatuan itu sendiri atau melalui sumber pendapatan lain seperti penajaan dan hasil jualan tiket. Beberapa persatuan bola sepak negeri yang dinaungi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri juga secara langsung akan mendapat sedikit bantuan peruntukan melalui Kerajaan negeri masing-masing.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) hanya diberikan kepada persatuan sukan di peringkat Kebangsaan yang melibatkan pelbagai jenis sukan dan tidak termasuk persatuan sukan di negeri-negeri. Peruntukan yang disediakan adalah merangkumi persediaan atlet-atlet negara yang akan menumpukan kepada pencapaian di temasya sukan utama antarabangsa seperti temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan juga Sukan Olimpik.

SULIT

3. KBS berpendapat dalam era bola sepak profesional, persatuan bola sepak negeri seharusnya perlu berusaha untuk menarik minat **lebih banyak** syarikat-syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di peringkat negeri masing-masing bagi mengukuhkan sumber kewangan mereka dalam jangka masa yang panjang bukan hanya bagi tempoh masa yang singkat. Daya penarik sesebuah syarikat untuk menjadi penaja bukan sahaja bergantung kepada pencapaian yang konsisten atau jumlah penyokong setia sesebuah pasukan, malah pengurusan kewangan yang cekap juga akan diambil kira sepertimana **Peraturan Perlesenan Kelab (Club Licensing Regulations)** bagi penyertaan Liga Bola Sepak Malaysia yang ditetapkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Sekian, terima kasih.